# SIARAN MEDIA

## ANGKASA DAN UKM METERAI PERJANJIAN TANAM SEJUTA POKOK

**PETALING JAYA, 16 MAC 2021** – Usaha pemuliharaan hutan merupakan keperluan yang kritikal memandangkan ianya khazanah yang penting terhadap pelbagai jenis hidupan dan sumber yang tidak ternilai harganya. Menyedari kepentingan bagi memulihara hutan dan alam sekitar, Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) dan Universiti Kebangsaan Malaysia Berhad (UKM) pada hari ini memeterai Memorandum Perjanjian (MoA) bagi penganjuran dan pelaksanaan Program Tanggungjawab Sosial Koperasi (CSR) COOPCARE Koperasi Prihatin Sejuta Pokok.

Kedua belah pihak hari ini memeterai memorandum perjanjian untuk tujuan tersebut, di mana ANGKASA diwakili oleh Presiden ANGKASA, Dato' Abdul Fattah Abdullah dan UKM oleh Pro Naib Canselor (Strategi dan Pembangunan Korporat) Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Dato' Dr. Norman Mohd Saleh.

Program Koperasi Prihatin Sejuta Pokok bertujuan untuk meningkatkan kefahaman tentang peri pentingnya usaha pemuliharaan hutan menerusi 14, 668 buah koperasi dengan keanggotaan 6.1 juta individu untuk merealisasikan matlamat ini. Program ini juga adalah inisiatif berimpak tinggi ANGKASA yang turut memfokuskan kepada penanaman semula pokok sama ada di kawasan hutan, rizab hutan, kawasan awam, institusi dan sebagainya. Ia adalah salah satu cara untuk menangani masalah pelepasan karbon yang meningkat setiap tahun, serta bagi menyokong agenda nasional untuk menanam 100 juta pokok menjelang tahun 2025 yang juga sebahagian daripada Program Penghijauan Malaysia.

Kolaborasi strategik antara ANGKASA dan UKM akan menghasilkan modul pembelajaran dan pengajaran serta program kesedaran berbentuk "*Train of Trainers" (ToT)* yang akan dilaksanakan kepada koperasi sekolah, koperasi siswa dan koperasi di kawasan komuniti di seluruh Malaysia bagi memberi pendidikan asas merangkumi maklumat asas berkaitan jenis dan fisiologi pokok, konsep tanaman, penjagaan pokok dan penghasilan baja kompos, garis panduan pengukuran tumbesaran pokok dan penyelenggaraan tanaman pokok.

Menerusi kolaborasi ini, ANGKASA dengan kerjasama UKM dan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor akan membantu memulihara hutan terosot menerusi penanaman pokok hutan di kawasan plot seluas 20 ekar hutan simpan Negeri Selangor yang akan dijadikan sebagai "Hutan Angkat Koperasi".

Program COOPCARE Koperasi Prihatin Sejuta Pokok adalah komitmen ANGKASA sebagai badan apeks gerakan koperasi negara yang diiktiraf oleh kerajaan untuk meneraju dan melaksana inisiatif Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030 mewakili gerakan koperasi di Malaysia bagi membantu menangani perubahan iklim dan meningkatkan kualiti persekitaran semula jadi serta menyumbang kepada masa hadapan yang lebih hijau dan lestari.

**PENGURUS BESAR BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT**
**MERANGKAP PEGAWAI KHAS KEPADA PRESIDEN**
**ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD (ANGKASA)**
**16 MAC 2021**

**MENGENAI ANGKASA**

ANGKASA adalah Badan Apeks Gerakan Koperasi Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan untuk menyatukan dan mewakili koperasi di peringkat nasional dan antarabangsa. ANGKASA menjalankan khidmat teras seperti menyediakan khidmat potongan gaji kepada kakitangan kerajaan, badan berkanun, kelab, koperasi, dan kesatuan.

ANGKASA melaksanakan program transformasi perniagaan dan keusahawanan koperasi dalam sektor perniagaan yang berimpak tinggi seperti Kewangan, Pertanian dan Industri Asas Tani, Pemborongan dan Peruncitan, Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan, Perladangan, Hartanah dan Industri Binaan, Inovasi dan Teknologi serta Pembangunan Komuniti.

Sehingga bulan Jun 2020, ANGKASA sebagai badan apeks gerakan koperasi negara yang diiktiraf oleh kerajaan menaungi 14,668 buah koperasi di seluruh negara dengan keanggotaan individu kira-kira 6.1 juta orang. Sehingga bulan Disember 2019, gerakan koperasi mencatatkan modal syer/ yuran sebanyak RM15.4 bilion, jumlah aset RM146.8 bilion dan perolehan sebanyak RM45.8 bilion. *(Sumber statistik: Suruhanjaya Koperasi Malaysia).*

ANGKASA telah menerima pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti (ISO 9001:2015), Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISO/IEC 27001:2013) dan Sistem Pengurusan Anti-Bribery (ISO37001:2016). ANGKASA juga telah dianugerahkan Cyber Security Organization of The Year di bawah kategori Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS ISO 27001:2013) pada tahun 2015.

Untuk maklumat lanjut mengenai ANGKASA, sila hubungi talian Khidmat Pelanggan di talian +603 78007800 atau e-mel kepada apex@angkasa.coop. Anda juga boleh melawati laman web kami di www.angkasa.coop dan berinteraksi dengan kami di akaun rasmi Facebook atau Twitter di @ANGKASACoop

Untuk pertanyaan dan maklumat berkenaan media sila hubungi :

**Halim Haji Ibrahim**
**Pengurus Besar Bahagian Komunikasi Korporat**
**Merangkap Pegawai Khas Presiden ANGKASA**
**Tel. : +6016- 4580305 / +603 – 7884 6481**
**Faks : +603 – 7884 6489**
**E-mel : korporat.angkasa@gmail.com**
**www.angkasa.coop**